

16 JAN 2002

Chong-PBS/I

BN AKAN BINCANG PERMOHONAN PBS MINGGU DEPAN

KOTA KINABALU, 16 Jan (Bernama) -- Parti Bersatu Sabah (PBS) dijangka mengetahui minggu depan keputusan permohonannya untuk menyertai semula Barisan Nasional (BN), selepas meninggalkan perikatan pemerintah itu dengan tiba-tiba pada 1990.

Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat hari ini berkata beliau menerima makluman daripada ibu pejabat BN di Kuala Lumpur untuk menghadiri mesyuarat BN pada 23 Jan.

Ditanya mengenai apa pendapat beliau akan peluang PBS diterima kembali dalam pangkuan BN, Chong yang juga pengerusi BN Sabah percaya parti-parti komponen BN tidak akan menolak permohonan PBS.

"Saya percaya semua parti komponen, bukan sahaja di Sabah tetapi juga di peringkat kebangsaan, telah menyuarakan pendapat mereka yang menyambut baik kemasukan semula PBS dan saya berharap kita boleh teruskan untuk menerima permohonan itu," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet negeri, Chong berkata, daripada kenyataan mereka sebelum ini, adalah jelas yang para pemimpin parti komponen BN menyokong permohonan PBS.

"Saya berharap setiap orang akan terus kekal dengan pendirian masing-masing," katanya.

Permohonan PBS untuk menyertai semula BN diserahkan sendiri oleh Presidennya Datuk Joseph Pairin Kitingan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN pada 15 Nov lepas.

Ditanya sama ada perlu bagi BN menetapkan syarat bagi PBS untuk terus kekal dengan perikatan itu dan tidak mengulangi insiden 1990, Chong berkata, ia tidak perlu.

"Antara banyak parti dalam BN, PBS adalah satu parti yang mempunyai pengalaman berada di luar BN dan mereka sudah tahu apa kesudahannya apabila mereka bertindak demikian," katanya.

Mengenai rasa kluatir yang kemasukan semula PBS ke dalam BN mungkin menjejaskan kedudukan parti-parti komponen lain di Sabah, Chong berkata perkara itu tidak harus timbul.

"Permohonan PBS yang dikemukakan kepada BN adalah satu permohonan tidak bersyarat. Saya sendiri berpeluang berjumpa dengan Datuk Pairin dan tidak ada sekali pun beliau meminta itu dan ini," katanya.

-- BERNAMA

JS PR